

25/10/2003

Penguatkuasaan elak batu karang terus musnah

Zainudin Isa

PULAU Tioman yang pernah dikaitkan dengan lagenda "naga sedang beradu" tidak perlu diperkenalkan, apatah lagi pernah disebut-sebut sebagai satu daripada 10 pulau tercantik di dunia.

Malah, kemurahan hati Kerajaan Persekutuan memberikan status pulau bebas

cukai tahun lalu, menyaksikan pulau ini semakin menjadi buruan.

Kalau dulu kira-kira 3,000 penduduknya cuma menerima kedatangan pelancong, tapi kini dihujani broker tanah, pemaju, juru ukur, juru perunding, malah golongan berduit turut menjejakkan kaki untuk mencari peluang melabur.

Tarikan utama Tioman tentunya keindahan semula jadinya, terutama kegilaan penyelam skuba kerana dasar lautnya yang disifatkan sebagai `syurga air.

Namun, kejadian sebuah tongkang yang melabuhkan sauhnya di atas sebahagian santuari batu karang berusia 100 tahun, kira-kira 200 meter dari pantai Kampung Tekek, di pulau ini, awal minggu lalu, mencetuskan kontroversi baru.

Apa tidaknya, Pulau Tioman diwartakan sebagai Taman Laut pada 1985 yang

bertujuan menjaga sumber marinnya yang amat bernilai daripada musnah.

Justeru, antara aktiviti yang dilarang di pulau ini ialah melabuh sauh, memancing, mengambil, mengubah atau membawa keluar karang dan hidupan marinnya, sama ada hidup atau mati.

Khabarnya, tongkang dari Pelabuhan Klang itu berlabuh untuk kerja menanam cerucuk dan tiang bagi projek pembinaan marina dan jeti kargo tidak tahu menahu mengenai larangan itu.

Batu karang yang diketahui adalah penghuni dasar laut yang tumbuh ratusan tahun lamanya. Tidak semua perut laut atau pulau di negara ini masih menyimpan khazanah tertua ini, dan Tioman cukup bertuah kerana memilikinya.

Malah, setiap karang yang musnah dikatakan mengambil masa antara 30 hingga 40 tahun untuk tumbuh, dan jika tumbuh ia mungkin tidak sama seperti asal.

Bagi sesetengah pihak, tersiarnya berita batu karang dilanggar tongkang

ini mungkin dianggap perkara kecil. Bagi pencinta alam pula, inilah masanya untuk mereka menekan pihak berkuasa berkaitan betapa kurangnya aspek penguatkuasaan, pemantauan dan sensitiviti mereka terhadap alam sekitar.

Bagi penduduk Tioman pula, kejadian ini agak merunsingkan mereka. Betapa

tidak, kebanyakan mereka bergantung hidup kepada sumber alam, sama ada pengusaha chalet kecil-kecilan, pemandu bot pelancong atau nelayan pantai.

Keresahan mereka agak logik. Jika beransur hilangnya sumber berharga di pulau ini, beransur gelaplah masa depan mereka.

Mereka berkeras bukan golongan antipembangunan, tapi meminta jasa baik kerajaan agar sebarang projek yang dilaksanakan mesti berhati-hati - maknanya ada kajian dan penyelidikan.

Tidak hairanlah, apabila terdengar bahawa beberapa projek besar bakal memasuki di pulau itu, mereka bukan saja bimbang punca rezeki mereka terjejas, malah kampung halaman mereka juga terlepas ke tangan pihak lain.

Inilah satu tugas besar yang harus ditangani kerajaan, iaitu menjelaskan keadaan sebenar dan meredakan kebimbangan penduduk.

Apapun, reaksi kerajaan negeri mengenai kejadian ini patut dipuji kerana ia pantas dibangkitkan dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) pada keesokannya pagi, selepas akhbar melaporkannya.

Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, jelas cukup kecewa dengan kerakuan pemaju yang dianggapnya langsung tidak menghormati peraturan dan mengendahkan sensitiviti alam sekitar.

Mungkin sedikit terlewat, tetapi ini menunjukkan kerajaan negeri bersikap terbuka.

"Jika mana-mana ada kesilapan, kita mengakuinya, tapi kita harap janganlah pembangkang memutar-belitkan dan menjajakannya kepada rakyat," kata Adnan ketika sesi menggulung perbahasan.

Apa pun, Jabatan Perikanan yang bertanggungjawab memantau dan meronda di sekitar Taman Laut, hendaklah lebih tegas. Denda atau hukuman lebih berat wajar dikenakan kepada sesiapa yang didapati merosakkan sumber alam di Tioman.

Kita tahu pemaju sanggup membayar denda yang mungkin hanya sebesar kuku bagi mereka, tapi pulangan dari projek sebenarnya sebesar gunung.

Satu lagi perkara penting, Pulau Tioman sebenarnya antara tempat kesukaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk bercuti secara peribadi.

Beliau dikatakan akan belayar menyisir pantai sambil menyiapkan teks ucapannya. Malah, Dr Mahathir gemar berjalan kaki di sekitar Kampung Tekek

dan singgah di rumah penduduk untuk bertanya khabar.

Justeru, jika pulau idaman ini tercemar, bukan saja Dr Mahathir akan berjauhan hati, malah 250,000 pelancong setiap tahun ke pulau ini mungkin mencari alternatif lain!